

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

**YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI (SEMARANG)
SOALAN 1 (A67)**

Apakah inisiatif Kerajaan Negeri Johor dalam menangani Liberalisme dalam negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Fahaman Liberalisme di Negeri Johor masih terkawal, tetapi tetap dipandang serius. Kerajaan Negeri Johor sentiasa melaksanakan usaha secara berterusan untuk membendung penularan fahaman liberalisme dengan melakukan risikan dan pemantauan bagi membendung fahaman sesat ini dari terus tersebar.

Usaha-usaha kerajaan dalam mempertahankan akidah rakyat Negeri Johor ini dilakukan dengan pemantauan berterusan terhadap media massa seperti instagram, facebook, whatsapp dan skype. Di samping itu juga, kerajaan turut menerbitkan buku-buku berkaitan Bahaya Liberalisme dan Pluralisme Agama terhadap Akidah, mengadakan Program-program Tafaqih Ilmi serta menyebarkan isu ancaman dan penyelewengan melalui Khutbah-khutbah Jumaat.

Kerjasama dengan cawangan khas PDRM juga dilaksanakan secara berterusan bagi memantapkan lagi risikan dan penyaluran maklumat.

Jabatan Agama Islam Negeri Johor juga bekerjasama dengan Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (IASWJ, UTHM) bagi memberi kefahaman kepada masyarakat tentang ajaran islam sebenar berteraskan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah melalui slot slot seminar di semua Institut Pendidikan Awam dan Swasta dalam Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

**YB DATO' HAJI ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 2 (A1)**

Belia merupakan aset terpenting negara untuk menjadi pemimpin pada masa akan datang. Untuk melihat bagaimana negara pada masa akan datang, lihatlah belia pada hari ini. Apakah pelan pembangunan ataupun aktiviti yang telah dirancang untuk belia pada tahun 2019 dan bilakah hari belia akan diadakan.

JAWAPAN YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

Kerajaan sememangnya menyedari kepentingan golongan belia yang merupakan aset terpenting kepada negara selaku pemimpin pelapis kepimpinan di masa hadapan. Sehubungan dengan itu, beberapa program telah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2019 sebagai platform kepada golongan belia mengembangkan kebolehan dan potensi diri mereka.

Dibawah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor, beberapa program telah dirancang untuk dilaksanakan di peringkat daerah dan negeri yang melibatkan elemen kepimpinan dan keusahawanan. Antaranya adalah **Majlis Perundingan Belia Negeri/Daerah** yang dianggotai oleh pemimpin pertubuhan belia, agensi kerajaan, badan politik dan ahli akademik bagi membincangkan dasar dan program pembangunan belia dan ianya berperanan sebagai badan perunding kepada pertubuhan belia khususnya berkaitan dasar dan isu pembangunan belia.

Kursus Kepimpinan Organisasi Tahap I juga akan dilaksanakan di setiap daerah, selama 3 hari 2 malam dan melibatkan seramai 400 orang pemimpin pertubuhan belia di seluruh negeri Johor. Kursus ini merangkumi elemen kepimpinan, komunikasi, dokumentasi, serta pengurusan kewangan bagi melatih pemimpin pelapis dalam pertubuhan/organisasi di pelbagai peringkat, di samping melahirkan tenaga pelatih sama ada sebagai penceramah, fasilitator mahupun jurulatih dalam bidang kepimpinan. Kursus Kepimpinan Organisasi Tahap I ini merupakan satu mekanisme terbaik bagi meningkatkan prestasi organisasi dan kepimpinan belia semasa.

Manakala di peringkat kebangsaan, Kementerian Belia dan Sukan turut melaksanakan **Program Felo Perdana** dan **Felo Korporat**, di mana latihan secara *mentoring* dan *internship* digunapakai memandangkan pemimpin dalam kalangan generasi-Y memerlukan *role model* untuk membina profesionalisme kepimpinan peringkat tertinggi. Dibawah program Felo Perdana, mahasiswa dan graduan (*mentee*) yang terpilih akan ditempatkan di pejabat Ahli-Ahli Jemaah Menteri untuk didedahkan dengan proses penggubalan dasar Kerajaan serta perjalanan pelaksanaannya mengikut portfolio Menteri-Menteri Kabinet. Manakala dibawah program Felo Korporat, *mentee* akan ditempatkan di pejabat Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif di Syarikat-syarikat Korporat Malaysia (GLC) bagi mendapat pendedahan akan kompetensi kepemimpinan berasaskan perniagaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

Dalam menyediakan ruang kepada anak muda menyuarakan pandangan, Kementerian Belia dan Sukan turut mewujudkan Parlimen Belia Malaysia di peringkat persekutuan. Ia merupakan suatu platform kepada anak muda menjadi perantara belia dan kerajaan untuk menyuarakan pendapat dengan mengutarakan isu-isu berkaitan belia, sekali gus memberi pendedahan awal mengenai sistem demokrasi. Sesi pencalonan calon Parlimen Belia sedang berjalan sehingga 30 Jun 2019 yang turut melibatkan 14 quota Parlimen Belia daripada negeri Johor.

Dalam bidang keusahawanan pula, **program Youth Career (Y-Career)** akan terus diadakan buat tahun ke-2 di mana ianya memberi akses kepada belia miskin terutama di luar bandar mengikuti latihan kemahiran yang asas/ringan menerusi majikan dalam bidang-bidang tertentu seperti jahitan, membaiki pulih komputer, membaiki motorsikal, terapi kecantikan, penyediaan makanan, elektrik dan lain-lain yang berkaitan sebelum diserapkan dalam pasaran pekerjaan selepas tamat latihan. Selain itu, pada tahun 2019 ini, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor dengan kerjasama agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan komuniti usahawan akan mengadakan **Youth Business Expo (yBEX)** bertujuan membangunkan budaya keusahawanan dalam kalangan anak muda di samping menjadi platform dalam menjalinkan hubungan dengan pemain industri korporat dan menambah peluang dalam pekerjaan dan latihan.

Sejajar dengan strategi di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi mengukuh dan menyerlahkan lagi potensi golongan belia, **Iskandar Regional Development Authority (IRDA)** juga telah menjalankan beberapa inisiatif dan program yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta membina keupayaan dan kecekapan belia sebagai pemimpin masa hadapan. Inisiatif ini dilaksanakan dengan kolaborasi agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan, institusi pengajian tinggi dan sebagainya bagi memastikan golongan belia tidak ketinggalan dan turut serta dalam pembangunan sosioekonomi yang amat pesat di Iskandar Malaysia. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:

- (i) **Iskandar Malaysia Youth Empowerment Fund (IMPOWER)** yang menyediakan dana bagi membiayai penganjuran program-program belia dalam kawasan Iskandar Malaysia. Antara objektif IMPOWER adalah untuk memperkasa belia dalam menjadi penyelesaian masalah utama yang sering dihadapi oleh komuniti setempat, di samping meningkatkan penglibatan belia dalam aktiviti pembangunan negara dan mengubah komuniti setempat ke arah masyarakat yang inklusif selain memastikan suara belia didengari melalui program yang ingin dilaksana. Cadangan program perlulah berdasarkan elemen pendidikan dan pembangunan kemahiran, keusahawanan dan pekerjaan, sukarelawan dan penglibatan komuniti, sukan dan gaya hidup sihat, serta seni dan budaya. Sebanyak 16 program telah diluluskan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM373,131.00 bagi Kumpulan (*batch*) 1 dan 2.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

- (ii) **Johor Student Leaders Council (JSLC)** yang dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor, mempunyai objektif dalam membentuk pemimpin muda yang berupaya menyelesaikan masalah dengan kreatif melalui latihan kepimpinan yang eksklusif di samping memperkembangkan kemahiran pemimpin-pemimpin muda dalam kalangan rakan sebaya. Program ini telah dilaksanakan semenjak tahun 2010, di mana seramai 166 orang pelajar telah terpilih untuk mendapat pendedahan kepada latihan kepimpinan teori dan praktikal di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dalam menghargai sumbangan dan peranan yang telah dimainkan oleh golongan belia dalam pembangunan negara, khususnya pembangunan golongan belia, sambutan **Hari Belia Negara 2019 Peringkat Negeri Johor** akan diadakan pada 29 Jun 2019 (Sabtu), bertempat di Dataran Penggaram, Batu Pahat. Semasa sambutan Hari Belia Negeri diadakan, **Anugerah Perdana Belia Negeri Johor** bagi kategori Pertubuhan Belia, serta kategori Individu Belia Lelaki dan Wanita akan disampaikan.

Selain itu, Kerajaan Negeri Johor melalui **Pusat Pembangunan Belia Negeri Johor (JOYDEC)** telah menyusun atur program/ aktiviti untuk golongan belia khususnya dan umum amnya untuk disertai dan sebagai pengisian sahsiah kepada belia, belia juga di beri peluang untuk bersama merancang (melalui cadangan di program bicara belia) dan program dilaksana bersama komuniti belia dari pelbagai lapisan, program yang disusun atur adalah seperti dibawah :

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

BIL.	NAMA PROGRAM	RINGKASAN PROGRAM	Tarikh/ Tempat
1	#YOUTH VOLUNTEER PLATFORM (Konsep Jelajah Sentuhan Rakyat)	<p>Penglibatan 10 Daerah seluruh Johor I</p> <p>Penglibatan Persatuan Belia, NGOs I</p> <p>Penglibatan IPTA/S I</p> <p>Melibatkan Pembaikan 5 buah rumah X 10 daerah = 50 buah rumah untuk FASA Pertama) I</p> <p>Memberi fokus kepada aspek kebersihan dan kesihatan.</p>	<p>Semerah Batu Pahat</p> <p>(Tarikh Pelancaran : 16 Mac 2019 (Sabtu)</p> <hr/> <p>Untuk pelaksanaan di daerah bermula : Mac hingga April</p>
2	KURSUS SUKARELAWAN DARUL TA'ZIM MELIBATKAN 4 ZON	<p>Melibatkan peserta dari 10 daerah seluruh Johor I mempersiapkan ketua-ketua belia untuk sukarelawan SUKMA 2020 I</p> <p>Melibatkan 40 peserta untuk setiap ZON.</p> <p>Melahirkan ketua yang mampu memimpin.</p>	<p>ZON 1 Tarikh : 25 – 27/4 / 2019 Tempat : AMA Farm Training Centre, Parit Jawa Peserta : 12 org. Tangkan/ 12 org. Segamat/ 16 org. Muar</p> <hr/> <p>ZON 2 Tarikh : Julai Tempat : Mersing Peserta : 20 org. Kota Tinggi/ 20 org. Mersing</p> <hr/> <p>ZON 3 Tarikh : Ogos Tempat : Pontian Peserta : 16 org. Johor Bahru/ 12 org. Pontian/ 12 org. Kulai</p> <hr/> <p>ZON 4 Tarikh : September Tempat : Pusat Latihan Pendidikan Agama Batu Pahat Peserta : 20 org. Batu Pahat/ 20 org. Kluang</p>

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

3.	TRANING OF TRAINEER	<p>Meghimpunkan sukarelawan yang yang terlibat di setiap ZON. Melibatkan penambahan sukarelawan belia umum. Pembahagian tugas sebagai sukarelawan. Melibatkan 1500 sukarelawan dari pelbagai lapisan. Sukarelawan dari IPTA/S , Persatuan, Kelab Belia, NGOs</p>	13 Julai 2019
4.	KICK START YOUR ENTERPREN EUR #Youth Entrepreneur Platform #Simposium Sukarelawan Belia (Fokus Belia Usahawan)	<p>-Melibatkan Pembangunan belia dalam bidang perniagaan. -Membentuk kitaran usahawan dikalangan Persatuan belia, NGO, belia dari pelbagai lapisan. - Bicara bersama Tokoh Usahawan terkenal Najib Asado Touch Point : -How to start your bizz Power of the media Fight to sukses How to expose your product Height Thinking in bizz plant.</p>	Holiday Villa , Johor Bahru 6 Julai 2019 Sabtu
5.	CABARAN BUBUR LAMBOK JOHOR # Youth CSR Platform	<ul style="list-style-type: none"> - Melibatkan pelaksanaan bersama 10 Daerah secara serentak. - 400 periuk bubur lambuk. - Melibatkan pelbagai agensi kerajaan /NGO/ Swasta. - Konsep gotong royong dalam menyiapkan bubur lambuk. 	11 Mei 2019 Parkir A, Plaza Angsana Minggu pertama Bulan Ramadhan
6	PROGRAM KEMPEN CINTAI ALAM SEKITAR BERSAMA BELIA JOHOR	<ul style="list-style-type: none"> - Program kempen cintai. - Penyertaan belbagai lapisan belia. - Penyertaan Percuma. - KERJASAMA Persatuan, Kelab, Belia Umum, Masyarakat Umum. 	Persisiran Pantai Mersing

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

7.	SAMBUTAN HARI SUKARELAWAN ANTARABANGSA & ANUGERAH SUKARELAWAN JOHOR	<ul style="list-style-type: none"> - Pemberian Anugerah kepada persatuan/ kelab/ individu yang menyumbang kepada pembangunan belia. - Sempena sambutan hari sukarelawan antarabangsa. - Penglibatan pelbagai lapisan belia 	Dewan RTM Johor
8.	KURSUS KEPIMPINAN GENERASI JOHOR (WATER RAFTING)	<ul style="list-style-type: none"> - Peserta terbuka kepada belia Johor 18 hingga 30 tahun. - Bertempat di Universiti Pendidikan Sultan Idris. - Perlaksanaan Bulan Julai 2019 - Bayaran Commitment RM 50.00 - Tertakluk kepada perubahan. 	<ul style="list-style-type: none"> - Universiti Pendidikan Sultan Idris. - Julai - Terhad 20 orang sahaja
9.	WALL CLIMBING MELIBATKAN 4 ZON	<ul style="list-style-type: none"> - Zon 1 (April) - Bertempat : - Segamat/ Muar/ Tangkak - Zon 2 (Julai) - Bertempat : - Batu Pahat/ Kluang - Zon 3 (Ogos) - Bertempat : - Kota Tinggi/ Mersing 	40 org setiap Zon
10.	PUMP BIKE	<ul style="list-style-type: none"> - Pelancaran Peringkat Negeri di Litar Pump Bike Batu Pahat di Sebelah Stadium Batu Pahat. - Oper Track Day - Pertandingan Pump Bike. - Pelbagai acara sukan X-treme di adakan. 	Pelancaran pada 30 Mac 2019 oleh mantan EXCO Belia Sukan dan kebudayaan Negeri Johor (YB Tuan Mohd. Khuzzan bin Abu Bakar)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

11.	KARNIVAL MOTOSPOR T JOHOR	<ul style="list-style-type: none"> - Konsep menghimpun pengiat sukan bermotor dari pelbagai lapisan belia. - Himpunan permotoran 2 dan 4 roda. - Antara acara. - Drag Challenge - Time Attack - Auto show - Audio show/ dan lain-lain 	Iskandar puteri. Oktober. Terbuka
12.	KURSUS ASAS REKREASI (PENDAKIA N GUNUNG)	<ul style="list-style-type: none"> - Terhad untuk 50 orang sahaja - Berumur 1- hingga 30 tahun. - Pengiat sukan rekreasi. 	Gunung ledang, tangkak
13.	SCUBA DIVING	<ul style="list-style-type: none"> - Terhad 20 orang sahaja - Dilaksanakan pada Mei. - Pengisian : - Kelas dan lessen Scuba. - Program Save the coral. - Membina dan menanam tempat pembiakan terumbu karang. 	40 orang peserta sahaja. Terhad.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 3 (A130)

Apakah kesan perang dagangan China-USA terhadap sentimen pelaburan Negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dan China bukan saja memberi impak kepada perdagangan dan pertumbuhan global, tetapi turut menjejaskan rantai bekalan yang memberi kesan kepada perniagaan, pekerjaan dan pengguna. Kesan negatif daripada perang perdagangan ini dijangka meningkatkan kos perniagaan dan ketidakstabilan pasaran kewangan serta menjejaskan keyakinan pelabur.

Menurut laporan Tinjauan Ekonomi 2019 yang dikeluarkan Kementerian Kewangan, sebarang perkembangan yang berlaku kepada rakan dagangan negara utama akan memberi kesan langsung dan tidak langsung ke atas pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Walaupun Malaysia amnya dan Negeri Johor khususnya sedang menikmati manfaat akibat perang perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dan China, namun impak itu bersifat sementara kerana pertikaian sedemikian tidak menguntungkan mana-mana pihak dalam jangka panjang.

Pertikaian antara dua kuasa besar ekonomi itu memberi manfaat kepada iklim pelaburan tempatan dari segi penempatan semula perniagaan serta lencongan dagangan dan pelaburan tetapi ini akan turut merasai tempas kelembapan ekonomi jika pertikaian itu terus berlanjutan. Malaysia antara negara yang mendapat manfaat, namun perang perdagangan ini tidak menguntungkan sesiapa. Ini kerana kedua-dua Negara merupakan pemegang terbesar ekonomi dunia. Untuk makluman, AS menyumbang 20 peratus kepada ekonomi global manakala China sebanyak 16 peratus dan sebarang pertikaian berpanjangan akan menjejaskan perdagangan global.

Bagi sentimen pelaburan Negeri Johor, Kerajaan Negeri Johor yakin bahawa tiga misi dagangan ke China yang telah diadakan pada Mac, April dan Mei lepas bagi menarik pelaburan syarikat pembuatan yang terjejas akibat perang dagangan Amerika Syarikat-China, akan mula membuahkan hasil pada akhir tahun ini. Malah setakat hari ini, terdapat 10 syarikat telah terbabit dalam perbincangan dan disusuli dengan banyak pertanyaan mengenai pelaburan di negeri ini, Ini menunjukkan kesan yang positif dan tren pelaburan dari Negara China ke Johor akan memberi impak yang besar terhadap iklim pelaburan asing terutama dari Negara China di Negeri Johor. Kerajaan Negeri Johor juga telah merancang untuk mengadakan misi perdagangan dan pelaburan ke Amerika Syarikat bagi menarik pelabur-pelabur dari Amerika Syarikat untuk melabur di Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 4 (A10)**

Apa rancangan Kerajaan Negeri Johor seperti melebarkan Jambatan Sungai Bekok dekat Jalan Muar, persimpangan Tol Yong Peng Utara dan naik taraf Jalan Muar ke Parit Sulong kepada 4 lorong untuk menyelesaikan masalah sesak lalu lintas di Pekan Yong Peng?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Pada masa kini pelebaran jambatan Sungai Bekok, pelebaran persimpangan Tol Yong Peng dan menaiktaraf jalan Muar ke Parit Sulong tidak tersenarai di dalam program RMK11. Walaubagaimanapun kajian akan dijalankan bagi menentukan keperluan semasa, kesesuai dan kos yang diperlukan sekiranya dilaksanakan kelak.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN 5 (A59)

Apakah rasional Kerajaan mengenakan caj pemajuan untuk setiap projek pembangunan dan nyatakan jumlah terkumpul sehingga kini untuk setiap PBT di Johor.

JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON

Adalah dimaklumkan bahawa, Penggubalan Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan (Negeri Johor) 2018 adalah bertujuan untuk membantu Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) melaksanakan perkara-perkara yang berkaitan dengan kutipan caj pemajuan sebagaimana terkandung di bawah Seksyen 32 Bahagian V, Akta 172 iaitu 'satu bentuk kutipan wang oleh PBPT berkaitan pemajuan yang melalui Kebenaran Merancang sekiranya sesuatu Rancangan Tempatan atau perubahan kepada Rancangan Tempatan yang menyebabkan kenaikan nilai tanah.

Menurut peruntukkan di bawah Subseksyen 32(1), Akta172:-

*“Jika sesuatu rancangan tempatan atau sesuatu pengubahan rancangan tempatan mengakibatkan suatu **perubahan penggunaan, ketumpatan, atau luas lantai** berkenaan dengan mana-mana tanah sehingga menaikkan nilai tanah itu, suatu **caj pemajuan hendaklah dilevi** berkenaan dengan mana-mana pemajuan tanah yang dimulakan, diusahakan, atau dijalankan mengikut perubahan itu “*

- i. Caj pemajuan merupakan satu bentuk **kutipan wang yang dilevikan ke atas** pemohon yang memajukan tanahnya.
- ii. Ia dilevikan apabila tanah yang diliputi oleh suatu **rancangan tempatan (RT) atau pengubahan RT**, dan terdapat **kenaikan nilai tanah** akibat daripada perancangan dalam RT tersebut.
- iii. Perancangan dalam RT adalah merujuk **kepada cadangan gunatanah masa hadapan** (zoning) yang memberi kesan kepada prospek kegunaan tanah dan memberi **kesan kepada nilai tanah**.

Di negeri Johor, Kaedah-kaedah ini telahpun diwartakan pada 23 November 2017 dengan Nombor Warta J.P.U. 67 dan digunapakai di semua PBT dalam Negeri Johor berkuatkuasa bermula 1 Januari 2018.

Jumlah caj pemajuan telah diterima oleh setiap PBT Negeri Johor bagi tempoh bermula tarikh kuatkuasa 1 Januari 2018 sehingga 15 Jun 2019 seperti berikut :

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

BIL	PBT	JUMLAH CAJ PEMAJUAN YANG DITERIMA
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	
2.	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri	5.445 juta
3.	Majlis Perbandaran Muar	11.255 juta
4.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	1.374 juta
5.	Majlis Perbandaran Kluang	3.319 juta
6.	Majlis Perbandaran Kulai	
7.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	1.245 juta
8.	Majlis Perbandaran Segamat	380,100.00
9.	Majlis Daerah Tangkak	277, 370.00
10.	Majlis Daerah Yong Peng	
11.	Majlis Daerah Simpang Renggam	
12.	Majlis Daerah Labis	
13.	Majlis Daerah Pontian	447,020.00
14.	Majlis Daerah Kota Tinggi	
15.	Majlis Daerah Mersing	255,802.00
16.	Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang	10.137 juta

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN 6 (A147)

Apakah usaha kerajaan Negeri Johor bagi memastikan rakyat Johor mendapat peluang pekerjaan.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Sejak penubuhan Unit Strategik Modal Insan Johor (Unit SMI) melalui program-program yang telah dianjurkan, lebih dari 49,000 peluang pekerjaan telah ditawarkan kepada rakyat Johor. Bagi pelaksanaan inisiatif pada tahun 2019 ini, antara usaha yang sedang giat dijalankan oleh Kerajaan Negeri melalui Unit SMI adalah seperti penganjuran siri Karnival Kerjaya Johor Bestari (3 kali di daerah-daerah terpilih), Program Johor Upskilling & Reskilling, Program Perantisan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) serta Inisiatif Pensijilan Tenaga Mahir Johor melalui Program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

1. Karnival Kerjaya Johor Bestari

Melalui Program Karnival Kerjaya Johor Bestari peringkat negeri yang telah diadakan pada 20 & 21 April 2019 di Galleria@ Kotaraya, Johor Bahru yang lalu, lebih dari 5,000 peluang pekerjaan telah ditawarkan dengan penglibatan majikan sebanyak 80. Manakala karnival kerjaya peringkat zon akan diadakan di beberapa daerah seperti Tangkak dan Batu Pahat. Bagi penganjuran di daerah Tangkak, telah dijadualkan pada 3 Ogos 2019 bertempat di Dewan Jubli Intan Tangkak dengan menyasarkan minimum 1,000 peluang pekerjaan bakal ditawarkan. Begitu juga dengan pelaksanaan di daerah Batu Pahat turut menyasarkan minimum 1,000 peluang pekerjaan.

2. Program Johor Upskilling & Reskilling

Sasaran Program latihan kemahiran ini adalah untuk meningkatkan kemahiran kepada 200 tenaga kerja sedia ada terutamanya di kalangan pencari kerja yang mempunyai kelayakan minima UPSR sehingga Diploma untuk mendapat peluang tawaran pekerjaan yang lebih baik dengan gaji yang lebih kompetitif.

3. Program Perantisan Melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

Inisiatif program ini adalah bertujuan untuk memastikan 100 tenaga kerja di Negeri Johor terutamanya golongan belia untuk memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia dan memperoleh pekerjaan dengan menggunakan kemahiran tambahan yang di perolehi. Melalui program ini, peserta akan menjalani 30% latihan teori dan selebihnya adalah 70 % bagi latihan pratikal di industri.

4. Inisiatif Pensijilan Tenaga Mahir Johor melalui Program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)

Program ini menyasarkan penglibatan dikalangan pekerja yang mempunyai pengalaman melebihi 2 tahun dan tidak mempunyai kelulusan formal untuk mendapat

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bagi tujuan pembangunan kerjaya dan mengelakan pengangguran dalam tempoh masa yang lama sekiranya diberhentikan kerja oleh majikan. Pekerja-pekerja mahir ini perlu membuktikan keterampilan yang boleh dimiliki atau diperolehi untuk dinilai dan disahkan di samping syarat-syarat lain yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, Unit SMI mensasarkan sekurang-kurangnya 100 orang pekerja mendapat pensijilan kemahiran pada tahun 2019 melalui program ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)

SOALAN 7 (A24)

Baru-baru ini kecoh di media sosial tindakan sita yang diambil SUKJ (Perumahan) kepada penghuni yang tidak membayar sewa di Program Perumahan Rakyat (PPR) atau Rumah Sewa Kerajaan (RSK) Apakah status tunggakan terkini PPR dan RSK?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Untuk makluman Yang Berhormat, sesuatu tindakan penguatkuasaan yang dilakukan telah mengikut prosedur undang-undang yang telah ditetapkan. Sebelum tindakan sita dijalankan, sebanyak 3 notis perlu diserahkan kepada penyewa yang terlibat tunggakan sebagai amaran untuk membuat bayaran atau hadir ke Ibu Pejabat SUKJ Bahagian Perumahan untuk membuat penjadualan semula bayaran sekiranya penyewa kurang berkemampuan untuk melunaskan keseluruhan tunggakan.

Namun, sekiranya penyewa tidak tampil atau gagal menjelaskan tunggakan sewa, penyewa telah melanggar syarat perjanjian sebagaimana Para 6.4 iaitu:

“Sekiranya berlaku apa-apa kemungkaran dalam perjanjian ini atau kejadian-kejadian seperti di atas, penyewa enggan menyerahkan rumah tersebut dengan secara aman, Kerajaan bolehlah menggunakan sebarang kekerasan yang perlu ke atas penyewa atau untuk memasuki rumah tersebut dan memindahkan harta benda penyewa ke suatu tempat yang akan ditentukan oleh Kerajaan dan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan, kehilangan atau kecurian barang-barang tersebut”.

Bagi kes yang telah tular di media sosial baru-baru ini berkenaan tindakan penguatkuasaan yang dilakukan oleh SUKJ Bahagian Perumahan di PPR Seri Alam melibatkan 11 unit rumah yang disita, jumlah tunggakan tertinggi yang terlibat adalah sebanyak RM 9,300.00 manakala jumlah terendah adalah sebanyak RM 1,000.00 dan jumlah keseluruhan tunggakan bagi kesemua rumah yang terlibat dalam operasi penguatkuasaan yang dijalankan adalah sebanyak RM 31,700.00 sehingga April 2019.

Untuk makluman dewan yang mulia, kadar sewaan sebulan bagi Projek PPR dan RSK adalah dalam lingkungan RM 70.00 – RM 250.00 sahaja setiap bulan dan ianya sudah tidak relevan dengan keadaan ekonomi negara masa kini dan kadar sewa rumah semasa yang dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Johor.

Sehingga 18 Jun 2019, jumlah tunggakan bagi PPR dan RSK yang melibatkan 17 projek keseluruhannya berjumlah RM 24,680,674.05 iaitu RM 15,656,372.50 adalah terdiri daripada penyewa yang masih menduduki PPR dan RSK dan RM 9,024,301.55 telah tidak menduduki PPR dan RSK.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

Untuk makluman, jumlah kutipan sewa PPR dan RSK bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM 5,877,819 dan jumlah peruntukan pembangunan yang diterima pada tahun 2018 adalah sebanyak RM 5,000,000.

Berikut dilampirkan senarai pecahan tunggakan bagi projek-projek PPR dan RSK mengikut DUN dan Parlimen masing-masing untuk tindakan ADUN dan Ahli Parlimen yang terlibat:

Projek PPR:

Bil	Nama Projek	Daerah	Parlimen	DUN	Tunggakan sehingga 18 Jun 2019 (RM)
1	PPR Desa Mutiara	Johor Bahru	Tebrau	Tiram	1,204,784.00
2	PPR Seri Alam	Johor Bahru	Pasir Gudang	Permas	206,758.50
3	PPR Sri Stulang	Johor Bahru	Johor Bahru	Stulang	80,476.00
4	PPR Sri Iskandar	Johor Bahru	Johor Bahru	Stulang	145,176.00
5	PPR Yong Peng	Batu Pahat	Ayer Hitam	Yong Peng	27,221.00
6	PPR Batu Anam	Segamat	Segamat	Jementah	30,544.00
7	PPR Kempas Permai	Johor Bahru	Pulai	Kempas	578,732.00
8	PPR Melana Indah Fasa 1	Johor Bahru	Pulai	Perling	99,906.00
9	PPR Setia Indah	Johor Bahru	Tebrau	Tebrau	51,700.00
10	PPR Uda Utama	Johor Bahru	Pulai	Perling	98,348.00
Jumlah					2,471,945.50

Projek RSK:

Bil	Nama Projek	Daerah	Parlimen	DUN	Tunggakan sehingga 18 Jun 2019 (RM)
1	Rumah Pangsa Larkin	Johor Bahru	Johor Bahru	Larkin	7,975,654.50

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

2	Rumah Pangsa Taman Cendana 1	Johor Bahru	Pasir Gudang	Permas	12,915,970.00
3	Rumah Pangsa Taman Cendana 2	Johor Bahru	Pasir Gudang	Permas	247,950.00
4	Rumah Pangsa Kangkar Pulai	Johor Bahru	Pulai	Iskandar Puteri	501,350.00
5	Rumah Pangsa Batu Pahat	Batu Pahat	Bandar Penggaram	Batu Pahat	143,296.20
6	Rumah Pangsa Kluang	Kluang	Parit Sulong	Semerah	389,225.00
7	Rumah Pangsa Segamat	Segamat	Segamat	Jementah	35,282.85
Jumlah					22,208,728.55

Merujuk kepada jumlah tunggakan yang tinggi ini, diharap agar wakil Parlimen dan juga ADUN di kawasan berkenaan supaya dapat berhubung dengan pihak yang boleh menyalurkan bantuan kepada penyewa sekiranya mereka tidak berkemampuan untuk membuat bayaran sewa agar tiada tunggakan hingga mengakibatkan tindakan penguatkuasaan dijalankan. Antara pihak-pihak yang dicadangkan adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam Johor, Yayasan Bandaraya dan sebagainya.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)

SOALAN 8 (A186)

Memandangkan Exco Negeri Johor bagi Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga menggalas portfolio Pelancongan, sila kongsi, apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan negeri di dalam mempertingkatkan penglibatan golongan wanita, golongan kelainan upaya serta golongan warga emas di dalam sektor pelancongan negeri?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Golongan wanita, golongan kelainan upaya serta golongan warga emas sememangnya menerima manfaat serta menyumbang di dalam sektor pelancongan negeri. Terdapat pelbagai inisiatif dan usaha yang telah dan akan dijalankan untuk mempertingkatkan penyertaan golongan-golongan ini dalam sektor pelancongan dilakukan oleh pelbagai agensi di bawah portfolio Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Antaranya ada di antara ibu tunggal serta golongan berpendapatan rendah di bawah bimbingan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim telah mengeluarkan produk-produk kraftangan untuk dipasarkan. Selain dari produk kraftangan, kumpulan sasar ini juga ada menghasilkan produk-produk IKS seperti kerepek, pastri yang dijadikan sebagai cenderahati serta yang dijual terus kepada pelancong. Mereka akan diajar di Pusat Jayadiri yang terletak di tujuh (7) daerah di Negeri Johor iaitu Johor Bahru, Kulai, Batu Pahat, Kluang, Kota Tinggi, Segamat dan Tangkak.

Melihat kepada potensi ini, kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim telah mengambil inisiatif membantu kumpulan sasar ini sebagai satu aktiviti pelancongan iaitu dengan mewujudkan Pusat Kraftangan Ibu Tunggal / Wanita dan Pusat Jualan Produk Usahawanita di Kluang Johor. Pusat ini merupakan pusat pengumpulan semua produk yang dihasilkan oleh wanita, kumpulan B40 juga Orang Kurang Upaya. Semua produk ini dijual kepada umum terutama pelancong dari luar.

Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim juga berhasrat agar produk-produk yang dihasilkan oleh kumpulan sasar ini mendapat perhatian dari kerajaan melalui jabatan-jabatan kerajaan. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan dan memperkenalkan produk yang dihasilkan kepada masyarakat luar. YPKDT juga bercadang untuk memohon kelulusan dari kerajaan untuk menjadikan Kompleks Perniagaan Pekan Rabu, Tampoi, Johor Bahru dijadikan salah satu pusat pengumpulan dan jualan produk yang dikenali sebagai Bazar@SURI Johor. Kompleks ini boleh dijadikan sebagai hub-pelancongan dan menjadi salah satu lokasi wajib pelancong datang membeli belah seterusnya menjadi trademark produk Johor seperti OLE-OLE JOHOR.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

Pada tahun 2019, Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Johor akan melaksanakan Program Amazing Race Zon Selatan iaitu Johor, Negeri Sembilan dan Melaka yang memfokuskan kepada aktiviti kraftangan dan pelancongan yang merangkumi program peningkatan kemahiran dan keusahawanan disamping memberi pendedahan berkenaan psikopendidikan kepada golongan wanita melalui modul khas yang telah dibangunkan.

Program ini akan melibatkan kursus seperti berikut :

- 1) Kursus Kraftangan, Galakan Kemahiran dan Pelancongan – Kursus ini dapat mengajak usahawan wanita dan ibu tunggal untuk lebih memahami apa itu Kraftangan Sektor Perkhidmatan dalam Pelancongan dan manfaatnya kepada ekonomi.
- 2) Motivasi Keusahawanan – Mengenalpasti usahawan wanita sedia ada melalui JPW atau agensi lain yang menceburi bidang perniagaan yang melibatkan sektor pelancongan, perkhidmatan dan kraftangan untuk menyertai projek ini.
- 3) Penyediaan platform pemasaran perniagaan – Program berbentuk pemasaran di mana wanita-wanita yang telah berjaya di dalam kemahiran kraftangan dan perkhidmatan pelancongan untuk memperkenalkan produk mereka dan juga pemasaran di peringkat tempatan mahupun antarabangsa

Pihak JPW mensasarkan seramai 150 peserta bagi Zon Selatan untuk menyertai program ini dan Negeri Johor akan melatih seramai 50 peserta.

Adalah sesungguhnya kerajaan Johor sentiasa memandang serius setiap ruang dan peluang yang boleh diberikan kepada rakyat khususnya kepada golongan tersebut dalam meningkatkan pendapatan seterusnya memperkenalkan Johor di mata dunia.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

YB TUAN MD. YSAHRUDIN BIN HJ. KUSNI (BUKIT NANING)

SOALAN 9 (A170)

Dalam mengekalkan keharmonian dan kestabilan kaum di sesuatu komuniti, apakah status Kawasan Rukun Tetangga (KRT) ini memainkan peranan sebagai agen kerajaan.

JAWAPAN YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPIAH

Rukun Tetangga (RT) adalah merupakan organisasi sukarela yang ditubuhkan oleh Kerajaan sejak tahun 1975 di bawah Peraturan-Peraturan Perlu Rukun Tetangga (1975). Selepas Ordinan Darurat dimansuhkan pada tahun 2011, satu Akta untuk RT telah digubal dan semenjak bulan Jun 2012, RT menjalankan fungsi-fungsinya berdasarkan Akta Rukun Tetangga 2012.

Sebagai institusi yang berada dalam komuniti, RT memainkan peranan yang cukup penting untuk membantu Kerajaan meningkatkan keharmonian dan kesejahteraan komuniti. Peranan ini adalah sejajar dengan fungsi RT sebagai mata dan telinga Kerajaan dan juga sebagai agen perpaduan di peringkat akar umbi.

Peranan RT juga adalah sebagai pendokong dan penggerak kepada visi PERPADUAN iaitu untuk memelihara, meningkat dan mengukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional selaras dengan dasar-dasar pembangunan Negara berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Di Negeri Johor, setakat bulan Mei 2019, sebanyak 805 KRT telah ditubuhkan.

Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab ini, RT memfokuskan kepada 5 teras utama iaitu:

- a) Perpaduan
- b) Keselamatan
- c) Pendidikan
- d) Kualiti Hidup
- e) Ekonomi

Dalam Akta RT 2012, fungsi dan tugas Jawatankuasa Rukun Tetangga adalah:

- I. Menjalankan apa-apa aktiviti bagi meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiwaan, perpaduan, muhibah, keharmonian, keselasaan keamanan, kerjasama, keselamatan, kebajikan, kesihatan, kesejahteraan ekonomi dan kualiti hidup di kalangan anggota masyarakat.
- II. Menerima maklumat mengenai, untuk memerhati dan menyiasat semua isu mengenai konflik masyarakat di dalam kawasan dan melaporkan maklumat, pemerhatian dan penyiasatan itu kepada Pengarah.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

- III. Untuk mengambil apa-apa langkah yang perlu atau wajar untuk membolehkan pemastautin melindungi diri mereka terhadap apa-apa aktiviti jenayah atau bencana.
- IV. Untuk menyediakan pengantaraan dalam masyarakat bagi maksud pendamaian atau selainnya menyelesaikan apa-apa pertikaian atau perselisihan di kalangan anggota masyarakat.

Untuk menjalankan apa-apa fungsi atau tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Pengarah dari masa ke semasa.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)

SOALAN 10 (A118)

Belia ialah golongan yang perlu sentiasa dipentingkan supaya meningkatkan daya saing dan kesejahteraan Negeri Johor. Justeru, nyatakan dasar dan inisiatif yang sedang atau sudah dijalankan oleh Kerajaan Negeri dan pencapaiannya.

JAWAPAN YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

Memperkasa Pembangunan Belia di negeri Johor melalui Fokus utama iaitu dalam bidang kesukarelaan, pembangunan dan memperkasa persatuan belia, pembangunan ekonomi, pembangunan sukan, bantuan pelaksanaan aktiviti melalui bantuan persatuan serta memperkasa peluang pendidikan serta keusahawanan untuk belia.

Manakala, Pembangunan Modal Insan melalui Kesukarelaan, **Sukarelawan Darul Ta'zim adalah platform yang di wujudkan untuk memberi peluang dan ruang kepada kelab, persatuan, badan kesukarelaan, kumpulan sukarelawan serta belia-belia yang ingin menyertai program** serta aktiviti kesukarelaan apabila terjadi sesuatu bencana dan bergerak dengan membawa Nama Negeri Johor.

Mereka ini terdiri dari pelbagai lapisan belia yang mempunyai kemahiran yang berbeza, contohnya seperti dalam bidang rekreasi, perubatan, keagamaan, sukan, pertolongan cemas, pendidikan serta pelbagai kemahiran dari pelbagai latar belakang belia yang berbeza. Sejak kewujudannya mereka ini telah di berikan kemahiran asas dalam bidang pertolongan cemas untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan. Konsep kesukarelaan yang di bawa oleh Sukarelawan Darul Ta'zim menjurus kepada budaya kesukarelaan dan membantu mereka yang memerlukan dalam bentuk tenaga, idea, kemahiran, kepakaran ataupun sumbangan kewangan tanpa paksaan.

Mereka ini juga tidak diberikan elaun atau gaji atas apa yang mereka sumbangkan untuk membantu meringankan beban orang lain. Melihat kepentingan konsep kesukarelaan yang berterusan perlu di terapkan ke dalam jiwa generasi belia agar menjadi generasi yang prihatin untuk membantu kesusahan orang lain dan saling melengkapi antara satu sama lain. Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini berhasrat untuk mengembangkan dan memperkasa kesukarelaan di Negeri Johor dengan konsep yang lebih baik agar ianya mendatangkan impak kepada belia khasnya dan masyarakat umum amnya hingga ke peringkat akar umbi.

Kerajaan Pakatan Harapan juga berhasrat untuk mengembangkan konsep kesukarelaan dengan identiti yang baru ke peringkat sekolah dan IPTA/S serta belia umum akar umbi bagi menjadikan ianya lebih di minati. Kursus Asas Kesukarelaan juga akan dilaksanakan untuk memberi pendedahan serta tambahan input tentang dunia kesukarelaan yang merangkumi pendidikan bantuan awal, pertolongan cemas, ikhtiar

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

hidup, serta kemahiran-kemahiran yang di fikirkan perlu untuk membangun dan menaiktaraf konsep kesukarelaan di negeri Johor.

Kerajaan juga komited dalam mewujudkan peluang usahawan dan pendidikan melalui Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. (PUJB) serta kerjasama bersama IPTA/S dalam mana memberi ruang kepada para belia menambah pendapatan dan meningkatkan taraf pendidikan belia.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

**YB DATUK HAJI MD. OTHMAN BIN HAJI YUSOF (KUKUP)
SOALAN 11 (A91)**

Berapa ramai rakyat Negeri Johor yang telah mengikuti ajaran Syiah dan lain-lain mazhab yang tidak diiktiraf di Negeri Johor, serta apakah perancangan kerajaan supaya masalah ini dapat dibendung.

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Ajaran Syiah di Johor ini masih terkawal tetapi tetap perlu dipandang serius ekoran pelbagai usaha dijalankan dalam menyekat pengembangan fahaman Syiah, Jadi gerakan ini hanya berlegar dikalangan ahli keluarga dan sahabat terdekat sahaja.

Walaupun bagaimanapun, pemantauan sentiasa dilakukan untuk mengawal pergerakan ini daripada tersebar kepada orang awam.

Kerajaan Johor tidak mengiktiraf fahaman ini. Fahaman syiah ini telah difatwakan dan diwartakan pada 09 Oktober 2014 bahawa ajaran syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Daripada 2013 – 2017 sebanyak 48 kes aduan yang telah ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor berkaitan isu Syiah.

Pendakwaan terhadap beberapa kes berkaitan fahaman syiah antaranya :

- i) Pertuduhan di bawah Seksyen 9 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 terhadap 4 Orang Kena Tuduh di Mahkamah Rendah Syariah Johor Bahru. Namun yang demikian, pertuduhannya telah ditarik balik kerana ketidakcukupan bahan bukti.
- ii) Pertuduhan di bawah Seksyen 9 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 terhadap 4 Orang Kena Tuduh di Mahkamah Rendah Syariah Kluang dan masih sedang di dalam prosiding perbicaraan.
- iii) Terdapat 2 kes lain yang masih dalam penelitian untuk dituduh.

Jabatan Agama Islam Negeri Johor sentiasa mengikuti perkembangan fahaman Syiah di Negeri Johor bagi memastikan ia tidak menular dalam masyarakat di Negeri ini dengan menjalinkan kerjasama dengan agensi agensi kerajaan seperti Majlis Keselamatan Negeri Johor (MKNJ), Cawangan Khas, Polis Di Raja Malaysia (PDRM),

Bahagian Risikan, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Jabatan Mufti Johor, Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pendakwaan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Antara tindakan yang telah diambil :

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

1. Mengadakan Mesyuarat Keselamatan dan Isu isu Semasa bersama agensi agensi kerajaan 3 kali setahun bagi memaklumkan dan mengawal ancaman fahaman ini.
2. Mengedar kan bahan bacaan dan pamphlet “ Bahaya Syiah “ pada masyarakat melalui platform program bersama masyarakat.
3. Memantau buku buku keluaran syiah di kedai kedai buku di Negeri Johor dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN).
4. Mengadakan Seminar Memperkasakan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Peringkat Negeri Johor “Membanteras Fahaman Syiah” bersama Jabatan Mufti Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI (LAYANG-LAYANG)

SOALAN 12 (A47)

Berapakah sasaran jumlah pelaburan bagi negeri Johor 2019 dan bolehkah ia dicapai didalam ketidaktentuan ekonomi global dan negara?

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Negeri Johor mensasarkan jumlah pelaburan sebanyak RM8 bilion bagi tahun 2019 dan yakin ianya dapat mencapai matlamat tersebut walaupun terdapat ketidaktentuan ekonomi global dan Negara.

Sehingga Mac 2019, Negeri Johor telah memperolehi pelaburan sebanyak RM2.429 billion di mana pelaburan tempatan adalah sebanyak RM 1.424 billion manakala pelaburan terus asing adalah sebanyak RM 1.005 billion. Ini menunjukkan signifikan yang positif dan kerajaan negeri terus yakin, angka nilai kemasukkan pelaburan ke Negeri Johor akan terus meningkat menjelang akhir tahun 2019.

Menurut laporan dari Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), terdapat dua syarikat besar yang berminat melabur di Malaysia dan kedua-duanya berminat untuk meluaskan pelaburan di Negeri Johor. Kerajaan Negeri juga telah mendapat pertanyaan dari pelabur berpotensi dari Negara China yang berminat untuk membangun sebuah pusat sehenti bagi pembinaan rumah di mana mereka akan menyediakan segala-galanya dari bahan binaan ke perabot. Mereka mahu kawasan seluas 81 hektar untuk merealisasikan usaha itu

Johor kekal sebagai destinasi menarik bagi pelaburan asing kerana lokasi geografinya berhampiran Singapura dan infrastruktur yang sangat baik seperti pelabuhan dan lapangan terbang. Satu lagi faktor adalah perkhidmatan awam yang sangat baik di Johor. Penjawat awam di Johor sentiasa bersedia membantu dan bekerjasama, yang merupakan titik positif kerancangan kemasukan pelabur ke Negeri Johor

Kerajaan Negeri juga akan terus meningkatkan kemudahan – kemudahan sokongan yang penting bagi menyediakan suasana pelaburan yang kondusif kepada pelabur iaitu penyediaan kawasan industri yang moden, tersusun dan dilengkapi dengan kawalan keselamatan tertinggi, penyediaan infrastruktur terkini seperti *high speed broadband*, bekalan elektrik tanpa gangguan, gas asli dan bekalan air pada kadar harga yang kompetitif. Tambahan kepada perkara di atas adalah penyediaan kawasan kediaman yang kondusif dan selamat kepada keluarga ekspatriat yang akan menetap di sini, kemudahan pendidikan bertaraf antarabangsa kepada anak-anak ekspatriat yang akan menuntut di Johor, penyediaan kawasan rekreasi, kesihatan dan pusat membeli belah yang bertaraf antarabangsa sebagai kemudahan tambahan kepada mereka. Penyediaan kemudahan-kemudahan ini akan menggalakkan ekspatriat untuk menetap

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

di negeri Johor dan memberikan maklumbalas yang baik kepada bakal pelabur yang akan melabur di sini.

Kerajaan Negeri akan terus menambahbaik dasar mesra pelabur dengan menyediakan insentif tambahan yang bersesuaian di peringkat negeri sebagai menyokong pelbagai insentif yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat khususnya dengan menyediakan sokongan perkhidmatan yang terbaik, efisien dan kelulusan yang cepat tanpa kerenah birokrasi bagi membolehkan pelabur mendapatkan segala kelulusan yang diperlukan dalam tempoh yang singkat. Agensi-agensi Kerajaan Pusat yang berkaitan seperti Jabatan Kastam, Imigresen, Jabatan Alam Sekitar dan lain-lain turut diharapkan dapat membantu pelabur mendapatkan kelulusan yang diperlukan dalam masa yang pantas bagi mendokong aspirasi Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri di dalam menyediakan kemudahan mesra perniagaan yang bertaraf antarabangsa. Segala ekosistem yang berkaitan ini akan mampu menjadikan negeri Johor sebagai pilihan pertama kepada pelabur untuk melabur di negeri Johor.

Kerajaan Negeri sentiasa memberi komitmen tinggi untuk mengekal persekitaran perniagaan yang menyediakan peluang-peluang untuk syarikat-syarikat berkembang dan meraih keuntungan. Kerajaan juga sentiasa mendapatkan maklum balas daripada komuniti perniagaan melalui saluran-saluran perundingan seperti dialog-dialog yang sering diadakan antara kerajaan dan sektor swasta bagi membolehkan pelbagai komuniti perniagaan menyuarakan pandangan-pandangan mereka dan menyumbang kepada pembentukan dasar-dasar kerajaan yang melibatkan mereka. Bagi memastikan usaha tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih lancar, penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Johor (JIC) yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Johor bertujuan menyelaras segala aktiviti pelaburan dan memastikan kesinambungan pelaburan sedia ada serta menambahbaik segala polisi pelaburan sedia ada. Manakala pada Julai 2018, Jawatankuasa Taskforce Pelaburan, Tanah dan Utiliti (PTU) yang dipengerusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti Negeri Johor telah ditubuhkan dan bertindak sebagai unit khas dalam mengenalpasti dan menyelaras sebarang permasalahan serta isu dibangkitkan para pelabur atau pemain industri terutama yang melibatkan isu-isu tanah dan juga utiliti di Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)

SOALAN 13 (A12)

Senaraikan penyelesaian masalah pencahayaan yang tidak cukup dan permukaan jalan yang tidak rata dan bertakungan air :

1. Dari Ayer Hitam ke Chaah.
2. Yong Peng ke Kangkar Baru.
3. Persimpangan Empangan Bekok dan Jalan Persekutuan.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Masalah pencahayaan yang tidak mencukupi di jalan Yong Peng ke Kangkar Baru telah di atasi dengan kerja-kerja pemasangan lampu jalan yang bermula pada 19 April 2019 dan di jangka siap pada 18 Jun 2019. Bagi Persimpangan Bekok dan Jalan Persekutuan permohonan bagi pemasangan lampu jalan telah dibuat dan disenaraikan didalam program tahun 2019. Permukaan jalan yang tidak rata dan terdapat takungan air JKR telah menjalankan pembaikan bahu jalan bagi melancarkan pengaliran air ke longkang tepi jalan dan akan terus melaksanakan kerja penyenggaraan disepanjang tahun.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)

SOALAN 14 (A81)

Saya dimaklumkan tempat pembuangan sampah (dumpsite) di Seelong hanya memerlukan jangka masa 10 tahun untuk penuh. Berapakah anggaran jangka masa kilang ini akan beroperasi lagi? Apakah perancangan pada masa akan datang, untuk menampung sampah di Senai.

JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON

Tapak Pelupusan Sanitari Seelong, merupakan sebuah tapak pelupusan didalam Kategori peringkat keempat (Level IV). Tapak pelupusan ini telah mula beroperasi sejak tahun 2004. Setelah hampir 15 tahun beroperasi, tapak pelupusan ini masih berbaki 8 sel lagi dari keseluruhan 13 sel yang dirancang. Sekiranya semua isu berkaitan pengambilan keseluruhan tanah telah diselesai, bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, tapak pelupusan ini mampu bertahan lebih lama lagi.

Bagi perancangan masa hadapan, satu projek *Waste to Energy* (WTE) telah dikembangkan di tapak tersebut bagi menghasilkan tenaga elektrik dari sumber sisa pepejal yang telah dilupuskan melalui sistem pengurusan gas yang dijalankan di tapak. Gas metana yang terhasil dari pereputan sampah akan dikumpulkan dan dibakar untuk menghasilkan tenaga elektrik. Pada masa kini WTE ini mampu menghasilkan 20MW setiap hari. Tenaga elektrik yang terhasil ini dijual kepada TNB melalui sistem Grid TNB. Sekiranya projek ini terus dikembangkan lagi dengan terlupusnya lebih banyak sampah, lebih banyak tenaga elektrik dapat disalurkan kepada TNB untuk kegunaan penduduk.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 15 (A110)**

Berapa jumlah masjid dan surau di sekitar kawasan DUN Bentayan yang akan dinaiktaraf, dibaikpulih mahupun diselenggara serta nyatakan jumlah peruntukan yang akan diturunkan.

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Sehingga hari ini Jabatan Agama Islam Negeri Johor belum menerima apa-apa permohonan dari mana-mana pihak masjid dan surau kawasan DUN Bentayan bagi tahun 2019 untuk baikpulih dan sebagainya.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)

SOALAN 16 (A140)

Belia merupakan benteng negara masa hadapan. Namun didapati golongan belia terbiar dan tidak didekati aktiviti berfaedah. Kebanyakan persatuan belia tidak aktif dan terkubur kerana tiada sumber kewangan. Bolehkah kerajaan negeri membantu pengupayaan persatuan belia aktif dengan memberi geran tahun sebanyak RM3,000.00?

JAWAPAN YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

Belia antara komuniti yang banyak membantu memperkasa dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti berfaedah antaranya membantu menyalurkan maklumat tentang mereka yang ditimpa musibah, golongan asnaf yang memerlukan bantuan, kanak-kanak terbiar, membantu memperkasa ekonomi asnaf dan lain - lain.

Kerajaan negeri menyedari usaha-usaha yang dilakukan oleh golongan belia melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor dan Pusat Pembangunan Belia Negeri Johor (JOYDEC), Kerajaan sentiasa memberikan sokongan dan dorongan kepada belia-belia untuk melaksanakan aktiviti berfaedah dan memberi kesan yang baik kepada golongan sasaran.

Walau bagaimanapun pihak Kerajaan juga menggalakan dan menyarankan persatuan-persatuan belia ini untuk mendapatkan penajaan atau sumbangan dari pelbagai agensi swasta ataupun orang perseorangan bagi menggerakkan program yang dirancang, selain bantuan dan sumbangan yang telah di berikan oleh kerajaan melalui bantuan persatuan yang dimohon melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor selain Pusat Pembangunan Belia Negeri Johor (JOYDEC).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 17 (A180)**

Apakah polisi dalam penanggungungan kos kerja-kerja pengalihan dan pemasangan semula utiliti di mana sekarang kosnya ditanggung oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan bukannya agensi-agensi utiliti yang berkaitan, contohnya SAJ, Telekom dan TNB?

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Polisi sedia ada TNB adalah mengikut Pekeliling dan Prosedur Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri bertarikh 1 Januari 2016 iaitu Garis Panduan Pengalihan dan Pemasangan Semula Utiliti dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2016.

Segala kos kerja pengalihan yang melibatkan kerja-kerja dalam Rancangan Malaysia ke-11 yang dilaksanakan oleh agensi JKR dan JPS sahaja akan ditanggung sepenuhnya oleh TNB dengan syarat-syarat dan tatacara yang telah dipersetujui seperti termaktub dalam pekeliling tersebut.

Oleh yang demikian, bagi Pihak Berkuasa Tempatan(PBT), Kerja-kerja pengalihan dan pemasangan semula utiliti masih di tanggung sepenuhnya oleh PBT atau kontraktor yang dilantik oleh PBT.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)

SOALAN 18 (A139)

Apakah tindakan JAIJ terhadap pengkuliah yang menjadikan medan kuliah di masjid untuk politik kebencian sesama Islam, memfitnah pemimpin serta memburukan Kerajaan? Apakah peranan JAIJ dalam menyekat fahaman extrimism agama dan budaya takfiri yang bertentangan fahaman ahli sunnah wal jamaah?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah mengambil langkah proaktif untuk brain storm membina modul Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan kerjasama Jabatan Mufti Johor, Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (IASWJ UTHM), Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) dan NGO Agama yang berdaftar di Negeri Johor bagi meningkatkan kefahaman dan amalan ajaran al-Quran dan al-Sunnah berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah Aliran Asya'irah Wal Maturidiyyah. Ia juga akan menjadi wasilah untuk menjelaskan kesesatan dan kesalahan ajaran atau fahaman agama yang exterisme dan budaya takfiri yang bercanggah dengan fahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah di Negeri Johor.

Bagi memperkukuhkan lagi Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Aliran Al-Asya'irah dan Al-Maturidiah, Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah membawa kertas permohonan peruntukan kewangan ke Majlis Agama Islam Negeri Johor untuk mewujudkan Dewan Pakar Ahli Sunnah Wal Jamaah seterusnya Melantik kader kader mengikut mukim mukim di setiap daerah dalam Negeri Johor bagi membantu masyarakat serta para daie lain menerangkan pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Aliran Al-Asya'irah dan Al-Maturidiah serta pegangan-pegangan yang bercanggahan dengannya secara tepat dan betul.

Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah menjadikan Forum Memperkasakan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menerangkan fahaman yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai program tahunan bagi setiap daerah di seluruh Negeri Johor.

Pengurusan Masjid dan Surau :

Pihak pengurusan masjid dan surau hanya akan buat pemantauan dari segi tauliah ada atau tidak. Jika ada tauliah, dan ia melanggar syarat tauliah, akan dirujuk kpd Undang-undang Syariah

Undang-undang syariah:

Bagi pihak yang bertauliah tetapi melanggar syarat-syarat, kita akan minta bahagian penguatkuasaan buat siasatan dan tangkapan jika perlu.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)

SOALAN 19 (A169)

Senaraikan lokasi dan keluasan tanah kerajaan yang telah ditawarkan untuk pembinaan rumah mampu biayai di negeri Johor mengikut daerah pada tahun 2013, 2014, 2015, 2016, 2017, 2018 dan 2019 secara berasingan.

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Sidang Dewan yang dihormati, Unit Pengurusan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (UPSSI) tidak terlibat secara langsung di dalam proses pembangunan dan penawaran Rumah Mampu Biaya Johor (RMBJ) kepada golongan sasaran. Hampir semua penawaran RMBJ yang berlaku di atas tanah milik kerajaan dan SSI adalah melalui program pembangunan secara penswastaan. Walau bagaimanapun, bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk mencapai pembinaan 100,000 unit RMBJ menjelang 2023, kaedah pengambilan tanah telah digunakan sebagai salah satu inisiatif bagi menyediakan tapak pembangunan kawasan perumahan tersebut.

Proses Pengambilan Balik Tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT) ini melibatkan beberapa daerah di Negeri Johor. Sumber dana bagi pengambilan tanah yang dimaksudkan adalah daripada Tabung Amanah Bumiputera dan Tabung Amanah Infrastruktur Sosial yang diurus tadbir oleh SUKJ Bahagian Perumahan. Terdapat tiga (3) kategori peringkat status pengambilan tanah iaitu yang pertama diperingkat selesai proses pengambilan manakala kategori kedua adalah dalam tindakan perbincangan oleh Pejabat Tanah Daerah dan kategori ketiga adalah dalam tindakan perincian kajian sebelum permohonan di Pejabat Tanah Daerah. Pecahan kategori status pengambilan tanah yang dimaksudkan adalah sebagaimana berikut:

Kategori Pertama – Selesai Proses Pengambilan

1. Daerah Johor Bahru

BIL.	HAKMILIK	NO LOT	DAERAH	MUKIM	LUAS (EKAR)	STATUS PENGAMBILAN
1	HS(D) 4062	TLO 709 (LOT 6407)	JOHOR BAHRU	BANDAR	3.99	SELESAI PROSES PENGAMBILAN
2	HS(D) 10030	TLO 700 (LOT 6411)	JOHOR BAHRU	BANDAR	2.00	SELESAI PROSES PENGAMBILAN
JUMLAH KELUASAN					5.99 EKAR	

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

2. Daerah Kluang

BIL	HAKMILIK	NO LOT	DAERAH	MUKIM	LUAS (EKAR)	STATUS PENGAMBILAN
1	GM 1241	SEBAHAGIAN LOT 751	KLUANG	KLUANG	0.22	SELESAI PROSES PENGAMBILAN
2	GRN 387812	LOT 2061	KLUANG	KLUANG	4.51	SELESAI PROSES PENGAMBILAN
3	GRN 134836	LOT 2064	KLUANG	KLUANG	3.67	SELESAI PROSES PENGAMBILAN
4	GRN 112023	LOT 2065	KLUANG	KLUANG	5.25	SELESAI PROSES PENGAMBILAN
JUMLAH KELUASAN					13.66 EKAR	

3. Daerah Segamat

BIL	HAKMILIK	NO LOT	DAERAH	MUKIM	LUAS (EKAR)	STATUS PENGAMBILAN
1	PN 47833	SEBAHAGIAN LOT 1405	SEGAMAT	BULOH KASAP	11.04	SELESAI PROSES PENGAMBILAN
2	GM 368	SEBAHAGIAN LOT 5897 (TAMBAHAN KEPADA SEBAHAGIAN TANAH RIZAB JKR)	SEGAMAT	JEMENTAH	0.85	SELESAI PROSES PENGAMBILAN
3	GM 654	LOT 6084 (TAMBAHAN KEPADA SEBAHAGIAN TANAH RIZAB JKR)	SEGAMAT	JEMENTAH	1.73	SELESAI PROSES PENGAMBILAN
4	GM 653	LOT 6085 (TAMBAHAN KEPADA SEBAHAGIAN TANAH RIZAB JKR)	SEGAMAT	JEMENTAH	1.76	SELESAI PROSES PENGAMBILAN

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

5	HSD 25218	SEBAHAGIAN LOT 6201	SEGAMAT	CHAAH	10.00	SELESAI PROSES PENGAMBILAN
JUMLAH KELUASAN					25.37 EKAR	

Kategori Kedua : Tindakan Perbicaraan Oleh Pentadbir Tanah

BIL	DAERAH	MUKIM	BIL PLOT TANAH	JUMLAH KELUASAN	STATUS PENGAMBILAN
1	PONTIAN	PONTIAN	2 PLOT	36.12 EKAR	TINDAKAN PERBICARAAN OLEH PTD
2	KLUANG	KLUANG	4 PLOT	17.61 EKAR	TINDAKAN PERBICARAAN OLEH PTD
3.	TANGKAK	TANGKAK	1 PLOT	25.14 EKAR	TINDAKAN PERBICARAAN OLEH PTD
JUMLAH KELUASAN				78.87 EKAR	

Kategori Ketiga : Tindakan Perincian Kajian

Bagi kategori terakhir ini, satu kajian sedang dijalankan bagi menentukan kesesuaian guna tanah selain mengambil kira beberapa faktor penting sebelum dipertimbangkan untuk meneruskan proses pengambilan tanah. Antara faktor-faktor yang perlu diambil kira adalah lokasi, perumahan setempat, kadar pertumbuhan dan kepadatan penduduk serta faktor ekonomi semasa serta kesiapsediaan infrastruktur seperti bekalan utiliti (elektrik dan air) serta jalan raya untuk menyokong pembangunan RMBJ.

BIL	DAERAH	MUKIM	BIL PLOT TANAH	KELUASAN	STATUS PENGAMBILAN
1	PONTIAN	AYER MASIN	1 PLOT	20 EKAR	PERINCIAN KAJIAN
2	BATU PAHAT	SRI GADING	6 PLOT	30.097 EKAR	PERINCIAN KAJIAN
3	BATU PAHAT	SUNGAI PUNGGOR	7 PLOT	21.637 EKAR	PERINCIAN KAJIAN
4	MERSING	MERSING	5 PLOT	10.955 EKAR	PERINCIAN KAJIAN
5	KLUANG	RENGGAM	1 PLOT	50 EKAR	PERINCIAN KAJIAN

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

JUMLAH KELUASAN	132.69 EKAR
------------------------	--------------------

Cadangan Pembangunan RMBJ Secara Penswastaan

Terdapat juga satu plot tanah milik Kerajaan di daerah Kulai yang berkeluasan 15.79 ekar yang dicadangkan oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) untuk dibangunkan secara penswastaan bagi maksud Rumah Mampu Biaya Johor (RMBJ) iaitu:

BIL	HAKMILIK	NO LOT	DAERAH	MUKIM	LUAS (EKAR)	STATUS PENGAMBILAN
1	HS(D) 53697	PTB 1583	KULAI	KULAI	15.79 EKAR	CADANGAN PEMBANGUNAN RMB SECARA PENSWASTAAN
JUMLAH KELUASAN					15.79 EKAR	

Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor pada 11 Januari 2017 dan 4 Oktober 2017 juga telah bersetuju supaya tanah-tanah kerajaan sebagaimana jadual dibawah dikurniakan kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) dan dibangunkan dengan komponen Rumah Mampu Biaya Johor dan pembangunan bercampur oleh Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn Bhd (KPRJ).

Walau bagaimanapun, kerja-kerja di tapak masih belum dimulakan kerana pihak KPRJ masih menjalankan kajian terperinci dan kajian kebolehlaksanaan bagi setiap projek.

Bil	Daerah	Maklumat Tanah	Luas (Ekar)	Status
1	Johor Bahru	PTD 213093, Mukim Plentong	7.870	Kajian terperinci oleh pihak KPRJ
2	Batu Pahat	PTD 24388, Tanjung Sembrong	33.00	Kajian terperinci oleh pihak KPRJ
		Sebahagian lot 1392 (Tadahan Air Koris), Minyak Beku	170.00	Kajian terperinci oleh pihak KPRJ
3	Segamat	Lot 3923, Mukim Jementah	9.2072	Kajian terperinci oleh pihak KPRJ
		Lot 3924, Mukim Jementah	9.7693	Kajian terperinci oleh pihak KPRJ
4	Kluang	PTD 9818, Mukim Kahang	9.960	Kajian terperinci oleh pihak KPRJ

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

		PTD 7632 & PTD 7633, Mukim Paloh	211.00	Kajian terperinci oleh pihak KPRJ
5	Kota Tinggi	Tanah Punggai, Mukim Pantai Timur	532.36	Kajian terperinci oleh pihak KPRJ
6	Mersing	PTD 2648, Batu 6 Tenglu	20.064	Kajian terperinci oleh pihak KPRJ
7	Kulai	PTB 1583, Kulai	15.79	Kajian terperinci oleh pihak KPRJ
8	Tangkak	PTD 25509, Sagil	8.676	Kerja tanah telah selesai 100%. Walau bagaimanapun, pihak KPRJ telah menghentikan kerja-kerja di tapak bagi kajian semula secara terperinci.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)

SOALAN 20 (A98)

Sekolah baru SJKT Tun Dr Ismail sudah hampir setahun siap di bina, kenapa sekolah ini masih belum di buka lagi?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Pembinaan SJKT Tun Dr Ismail telah siap 96% dan baki kerja yang perlu disiapkan oleh kontraktor antaranya menurap jalan, bekalan air & elektrik.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil maklum akan masalah kewangan kontraktor akibat penganaan Denda Kelewatan, walaubagaimanapun setelah Lanjutan Masa No. 5 telah diluluskan dan bayaran interim telah dibuat, kontraktor masih belum menyiapkan baki kerja dan gagal menunjukkan komitmen untuk menyiapkan projek sehingga kini.

KPM telah mengambil usaha bagi menyelesaikan baki kerja dan kontraktor telah diberikan Notis Amaran No. 3 pada 22 Mei 2019 dan dalam penelitian untuk Notis Tujuan Penamatan (NTP).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 21 (A112)

Apakah status terkini bagi projek Pembinaan Baharu Kompleks Klinik Pakar di Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar?

JAWAPAN YB TUAN MOHD KHUZZAN BIN ABU BAKAR

Bagi projek naik taraf Kompleks Rawatan Harian di Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar, satu mesyuarat *Rolling Plan-4* bagi tahun 2020 yang diselaraskan oleh Bahagian Pembangunan Kementerian Kesihatan Malaysia pada 11 Februari 2019 telah menyenarai pendek (*shortlisted*) permohonan cadangan Blok Tambahan Kompleks Klinik Pakar dan Perkhidmatan Rawatan Harian di Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar dengan anggaran kos projek bernilai RM250 juta.

Perkhidmatan yang dicadangkan di dalam spesifikasi projek termasuk ;

- i. Kompleks Klinik Pakar – bilik konsultasi pelbagai disiplin termasuk kaunseling dietetik dan pergigian dengan 9 *dental chairs* dan pejabat Pakar;
- ii. Perkhidmatan Rehabilitasi bagi Pemulihan Cara Kerja, Pemulihan Perubatan Anggota, Terapi Pertuturan dan Terapi Pendengaran;
- iii. Perkhidmatan Haemodialisis – 36 *recliners* (termasuk 6 isolasi untuk Hepatitis/HIV/CRE);
- iv. Fasiliti Rawatan Harian bagi perkhidmatan pembedahan dan perubatan dengan 30 katil (pembedahan), 16 katil/*recliners* untuk Perubatan dan 10 katil Kanak-kanak;
- v. 3 unit Dewan Bedah Harian (perkhidmatan Rawatan Harian Pembedahan);
- vi. 3 bilik Endoskopi; dan
- vii. Parkir bertingkat (kapasiti 200 petak).

Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor dimaklumkan keputusan permohonan akan diputuskan selepas Pembentangan Bajet 2020 kelak.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN 22 (A148)

Mohon nyatakan apakah usaha kerajaan Negeri Johor dalam memastikan bayaran Bantuan Sara Hidup (BSH) berjalan dengan lancar.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman YB Parit Raja, Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan bantuan kerajaan persekutuan menerusi Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam bentuk wang tunai yang menyasarkan kumpulan isi rumah berpendapatan rendah (B40).

Ketika pembentangan Belanjawan 2019, kerajaan telah mengumumkan bahawa bantuan ini akan memanfaatkan 4.1 juta isi rumah dengan bantuan kewangan melalui peruntukan RM5 bilion.

Kaedah pembayaran BSH adalah melalui pembayaran terus yang akan dimasukkan ke dalam akaun penerima, manakala penerima yang berstatus **Gagal Kredit atau Tidak Mempunyai Maklumat Akaun** akan menerima surat makluman BSH 2019 bagi tujuan penunaian di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN). Penerima juga boleh membuat penunaian terus (tanpa surat makluman) di BSN dengan hanya membawa MyKad Asal berdasarkan status pengkreditan seperti dinyatakan.

Penerima BSH adalah mereka di bawah kategori isi rumah (ketua keluarga atau warga emas) yang akan diagihkan secara berperingkat 3 kali setahun.

Surat pemakluman berkenaan perkara ini juga telah dihantar kepada penerima BSH semasa pembayaran Fasa 1. Pemakluman juga ada dipaparkan di Borang BSH, Portal Rasmi BSH LHDNM. Kementerian Kewangan Malaysia juga telah membuat siaran media pada 24 Mei 2019, 28 Mei 2019, 31 Mei 2019 dan 4 Jun 2019.

LHDNM kini sedang di dalam peringkat mengemas kini maklumat pembayaran setiap penerima BSH di portal BSH LHDNM apabila menerima maklumat status pengkreditan atau pembukaan akaun baharu dari BSN. Ini bagi memastikan maklumat dapat disampaikan kepada penerima dengan cepat. Bagi yang tiada kemudahan Internet atau tidak celik IT, surat makluman dicetak dan diposkan kepada penerima terutama bagi penerima yang nombor akaun baharu telah dibuka oleh BSN.

Orang ramai yang mempunyai sebarang soalan berkaitan tarikh dan cara pembayaran BSH boleh memuat turun **Aplikasi Mobile Bantuan Sara Hidup** di **Play Store** atau **App Store** pada telefon bimbit masing-masing dengan Carian Bantuan Sara Hidup. **ATAU** menghubungi talian bebas tol BSH **1-800-88-2747**.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

YB TUAN MOHD. IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)

SOALAN 23 (A32)

Apakah pelan perancangan kerajaan terhadap GLC-GLC yang tidak menjana keuntungan dan membebankan kerajaan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Yang Berhormat Speaker, Kerajaan Negeri Johor di bawah pentadbiran Pakatan Harapan sememangnya menyahut langkah kerajaan persekutuan dalam pemansuhan mana-mana Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang telah wujud ketika pemerintahan kerajaan terdahulu.

Langkah ini diambil bagi mengatasi sebarang unsur pertindihan, pembaziran mahupun pembayaran elaun kepada pengerusi GLC yang jumlahnya tidak masuk akal, dan GLC tidak menunjukkan prestasi memberangsangkan.

Namun begitu, kami di pihak kerajaan negeri tidak membuat keputusan berdasarkan emosi dan mengambil tindakan atas dasar dendam. Mana-mana GLC yang mempamerkan prestasi baik dan berguna kepada kerajaan negeri akan dikekalkan.

Perubahan ini harus diterima baik oleh semua pihak memandangkan kita di pihak kerajaan PH ingin melaksanakan aspirasi PH, iaitu 'good governance' ataupun sistem tadbir urus kerajaan yang baik. Kerajaan negeri mengambil pendekatan untuk sentiasa memantau GLC – GLC sedia ada dari semasa ke semasa. Laporan prestasi GLC juga turut kami teliti atau menjalankan 'due diligence'.

Oleh itu, proses audit akan dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi pihak kerajaan memantau prestasi GLC-GLC di Johor ini. GLC-GLC yang ada perlu meneliti semula tujuan dan matlamat kerajaan menubuhkan GLC, iaitu bagi membantu kerajaan, membantu dalam soal infrastruktur, membina sekolah dan sebagainya, tetapi jika terdapat GLC yang tidak mendatangkan hasil, kerajaan pula yang menanggung hutang, sebaliknya tidak mendatangkan faedah, maka kerajaan berhak menghentikan operasi mereka.

Suka untuk saya, menyeru kepada GLC-GLC sedia ada di Johor untuk meningkatkan usaha masing-masing ke arah menamatkan mana-mana program yang dilihat tidak memberi manfaat kepada kerajaan negeri dan terus meneroka potensi GLC-GLC masing-masing untuk masa hadapan bagi memastikan mereka kekal relevan. Saya mohon GLC sedia ada untuk memberikan kerjasama kepada pihak kerajaan dalam usaha menambah baik tadbir urus negeri, di mana akhirnya akan turut memberi kesan baik kepada rakyat Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 24 (A152)**

Mohon nyatakan status terkini peruntukan kepada Sekolah Persendirian Cina.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman YB Parit Raja, sejumlah RM434,000.00 peruntukan daripada Kerajaan Negeri Johor telah disalurkan kepada 13 buah Sekolah Persendirian Cina.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 25 (A60)**

Berapa banyak peruntukkan MARRIS yang diterima pihak Kerajaan Johor untuk tahun 2018 dan nyatakan jumlah projek yang telah dikenal pasti dan telah disiapkan mengikut Daerah.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Peruntukan MARRIS yang diterima oleh Kerajaan Johor daripada Kementerian Kewangan pada tahun 2018 adalah berjumlah RM611,642,804.65.

Berikut pecahan bilangan kerja yang diluluskan pada tahun 2018 mengikut daerah yang terdiri daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah:-

BIL.	DAERAH	BILANGAN PROJEK MARRIS DILULUS PADA TAHUN 2018
1.	Johor Bahru	344
2.	Kulai	80
3.	Batu Pahat	300
4.	Muar	187
5.	Kluang	219
6.	Segamat	226
7.	Pontian	190
8.	Tangkak	120
9.	Kota Tinggi	142
10.	Mersing	92
JUMLAH		1,900

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)

SOALAN 26 (A106)

Pertambahan penduduk di DUN Tiram mendadak tetapi anggota Polis tidak mencukupi di Balai Polis Ulu Tiram memerlukan penambahan anggota Polis. Sila ambil tindakan.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman dewan yang mulia ini, Balai Polis Ulu Tiram merupakan Balai Polis kategori Gred D berdasarkan kepadatan penduduk Ulu Tiram, di mana perjawatan yang telah diluluskan oleh balai berkenaan adalah seramai 35 anggota.

Sehingga kini, kekuatan terkini yang telah diisi bagi Balai Polis Ulu Tiram adalah seramai 34 anggota.

Kerajaan Negeri Johor mengambil maklum akan keperluan penambahan anggota polis yang tidak mencukupi di Ulu Tiram. Anggota yang bertugas atau ditempatkan di balai ini sentiasa berada dalam keadaan bersiap siaga dalam menghadapi pelbagai ancaman keselamatan mahu pun kecemasan di dalam kawasan jagaannya.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

YB TUAN MOHD. IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)

SOALAN 27 (A30)

Apakah status terkini cadangan lanjutan pajakan tanah 99 tahun yang melibatkan beberapa kawasan di DUN Larkin?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman dewan yang mulia, pada tahun 2013, kerajaan negeri telah mengumumkan bahawa tanah-tanah di Kawasan Perindustrian Larkin, Kawasan Perindustrian Tampoi dan Kawasan Perindustrian Dato' Onn tidak akan diperbaharui pajakan selepas tempoh pajakan tersebut tamat.

Keputusan ini adalah kerana terdapat cadangan untuk menjadikan kawasan ini sebagai penempatan perumahan bagi menampung keperluan perumahan di Bandar Johor Bahru manakala pihak industri akan di tempatkan di satu kawasan lain yang akan dikenalpasti kelak.

Ketetapan ini melibatkan 46 hakmilik seluas 43.112 hektar bagi kawasan Perindustrian Larkin, 37 hakmilik seluas 25.776 hektar bagi Kawasan Perindustrian Tampoi dan 11 hakmilik seluas 11.273 hektar bagi Kawasan Perindustrian Dato' Onn.

Ketetapan ini masih digunapakai dan tiada pembaharuan tempoh pajakan yang diberikan kecuali bagi mana-mana Tuan Tanah yang memiliki lebih daripada 1 plot, kerajaan negeri bersetuju untuk menyelaraskan baki tempoh pajakan bagi kesemua plot tersebut mengikut tarikh yang terakhir akan luput.

Kerajaan negeri juga telah meluluskan dan menyempurnakan proses pengambilan tanah yang dipohon oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan (SSI) selaku agensi pengambil untuk tujuan pembangunan Rumah Mampu Biaya (RMB) di atas 2 plot tanah di Kawasan Perindustrian Larkin. Kedua-dua tanah ini masih berbaki 3 hingga 5 tahun semasa pengambilan dilaksanakan.

Semua pemilik-pemilik tanah di kawasan tersebut juga telahpun dimaklumkan dan diminta membuat persediaan berpindah sejak tahun 2013. Kerajaan Negeri melalui JSIC dan JCorp telah mengadakan beberapa siri perbincangan termasuk perbincangan yang turut melibatkan pihak Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) untuk mencadangkan dan menentukan tapak baru bagi memindahkan operasi industry yang berada di kawasan yang terlibat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN 28 (A36)

Setelah Kerajaan PH mengambil alih kesemua bangunan balai raya, dewan dan padang, penyelenggaraannya amat mengecewakan. Terdapat sebahagian tempat yang rumput dan lalang yang tidak dipotong. Apakah tindakan pihak kerajaan untuk menangani masalah tersebut?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, dalam soal ini, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) perlu bekerjasama erat dengan jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah dengan kerjasama SWCorp dan Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam hal-hal penyelenggaraan asset-aset kerajaan sama ada dewan, balai raya atau padang awam yang sememangnya berada di bawah kendalian jabatan-jabatan berkenaan.

Di bawah pentadbiran terdahulu, terdapat asset-aset kerajaan di daerah yang diuruskan oleh Jawatankuasa Komuniti dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan kutipan dibuat oleh JKKK tersebut.

Bagi mengatasi perkara ini daripada berterusan, pihak jabatan serta agensi terbabit perlu memberikan bantuan kepada MPKK dalam hal-hal menguruskan aset kerajaan ini.

Orang ramai juga boleh memainkan peranan dengan membuat aduan kepada pemilik bangunan berkenaan iaitu PBT atau Pejabat Daerah, sekiranya terdapat asset kerajaan yang tidak diselenggara dengan baik, termasuk rumput dan lalang tidak dipotong atau apa-apa kerosakan yang dikenal pasti.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI ISNIN, 1 JULAI 2019**

YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD. NOR (KEMELAH)

SOALAN 29 (A41)

Apakah status terkini pelaksanaan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) di semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Johor serta berapa banyak jabatan dan agensi kerajaan yang telah melaksana sistem ini?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) telah mula beroperasi pada 1 Januari 2018 dan merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan ke arah memperbaiki mutu perkhidmatan dan penyampaian dari masa kesemasa yang telah dimudahcara oleh teknologi terkini.

SISPAA merupakan kesinambungan daripada Sistem Integrated Pemantauan Aduan Agensi Awam (iSPAAA) yang telah dibangunkan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) pada penghujung tahun 2007 dan mula digunapakai oleh beberapa Agensi Kerajaan sejak tahun 2009.

SISPAA membantu mempercepat serta memudahkan proses penyampaian Maklum Balas kepada Agensi Kerajaan kerana ianya boleh dicapai oleh Pengguna pada bila-bila masa sekiranya terdapat capaian internet.

Setakat 31 Mei 2019 sebanyak **492 aduan** telah disalurkan ke dalam SISPAA melibatkan aduan untuk Jabatan Negeri mahupun badan berkanun dan **200** lagi bukan berbentuk aduan (pertanyaan/cadangan/penghargaan).

Daripada **492 aduan** tersebut **406** daripadanya telah berjaya diselesaikan, manakala baki **86 aduan** masih dalam tindakan jabatan/agensi untuk penyelesaian aduan.

Setiap aduan yang disalurkan ke SISPAA Johor akan dipantau oleh Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor.

Namun begitu kekurangan kakitangan di seksyen aduan Unit integriti dalam menguruskan aduan SISPAA agak menyulitkan. Penambahan kakitangan perlu di beri perhatian.

Bagi memastikan mutu penggunaan SISPAA di kalangan jabatan negeri dan badan berkanun – Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor telah mengadakan kursus penambahbaikan penggunaan sistem ini pada setiap tahun kepada jabatan kerajaan dengan bantuan tenaga pakar Biro Pengaduan Awam.